

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK WIRA HAJI AHMAD BIN
HAMZAH [JASIN]**

TARIKH : 26 OKT 2016 (RABU)

SOALAN :

DATUK WIRA HAJI AHMAD BIN HAMZAH [JASIN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan penanda aras antarabangsa yang diguna pakai untuk layak digelar sebagai negara maju / berpendapatan tinggi dari segi nominal GNI per kapita dalam USD, peratus sumbangan sektor perkhidmatan kepada GNI, peratus sumbangan gaji & upah (Compensation of Employees) kepada GNI.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman ahli yang Berhormat, penentuan status negara maju/berpendapatan tinggi adalah berasaskan penanda aras antarabangsa yang menggunakan paras minimum status negara berpendapatan tinggi sebagaimana ditetapkan oleh Bank Dunia. Pada tahun 2015, paras minimum pendapatan per kapita ini adalah sebanyak USD12,476. Pada tahun 2015, paras Pendapatan Negara Kasar (GNI) Malaysia ialah AS\$9,295.

Peratusan sektor perkhidmatan kepada keluaran dalam negeri kasar (KDNK) dan peratusan pampasan pekerja kepada KDNK tidak diguna pakai sebagai penanda aras status negara maju/berpendapatan tinggi. Walau bagaimanapun, kedua-dua pemboleh ubah ini adalah tinggi bagi negara berpendapatan tinggi.

Sebagai contohnya, purata peratusan sektor perkhidmatan kepada KDNK bagi 57 daripada 79 negara berpendapatan tinggi adalah sebanyak 68.5% pada tahun 2015, jauh lebih tinggi daripada Malaysia yang pada masa ini sebanyak 53.5%. Manakala purata peratusan pampasan pekerja kepada KDNK bagi negara *Organisation for Economic Co-operation and Development* atau OECD, di mana hampir semua 34 ahli negara telah mencapai status negara berpendapatan tinggi, mencatat sebanyak 45.7% pada tahun 2015 berbanding dengan Malaysia hanya 33.8%.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]

TARIKH : 26 OKTOBER 2016 (RABU)

SOALAN : 36

Puan Teresa Kok Suh Sim minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah hasil pendapatan penjualan nombor pendaftaran khas dan plat nombor kereta "V" dalam tahun 2013, 2014, 2015 dan setakat Oktober 2016. Bagaimanakah Kementerian menggunakan hasil daripada penjualan plat nombor khas ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian menetapkan bayaran sebanyak RM 1 juta bagi setiap siri nombor pendaftaran khas yang diluluskan atau menetapkan amaun bayaran berdasarkan nilai semasa nombor pendaftaran khas sekiranya kelulusan nombor khas diberikan berdasarkan julat tertentu.

Nombor pendaftaran siri 'V' adalah merupakan tanda indeks baharu yang diperkenalkan pada tahun 2016 bagi menggantikan nombor pendaftaran siri "W" sedia ada bagi negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Proses pembidaan nombor pendaftaran ini dilaksanakan melalui tender terbuka dan hasil kutipan pendaftaran siri 'V' adalah sebanyak RM22 juta.

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah hasil daripada penjualan plat nombor khas ini telah disalurkan terus ke Akaun Kumpulan Wang Disatukan.